



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 FEBRUARI 2018 (ISNIN)

AKHBAR	MUKA SURAT
Berita Harian	
- Selangor didakwa tak serius tangani premis judi	06
Sinar Harian	
- Sampah terbang ancam nyawa	20
- Gerai durian ganggu keselesaan penduduk	18



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 FEBRUARI 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor didakwa tak serius tangani premis judi
Muka Surat	06

Ms.6

→ ISU

Selangor didakwa tak serius tangani premis judi

By: M.S.G.
12/2/2018

Johor Bahru: Kerajaan Selangor didakwa tidak serius menangani masalah premis perjudian dalam talian dan kurang memberi kerjasama dengan pihak polis bagi menutupnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pihak polis berdepan masalah kerana kebanyakan premis terbabit dikatakan kembali beroperasi selepas serbuan dibuat kerana mendapat lesen pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Lesen premis dikeluarkan oleh PBT. Kadang-kadang lesen dikeluarkan untuk lesen sah tetapi di sebalik tabir digunakan untuk aktiviti haram seperti judi dalam talian.

"Di Selangor saya tidak hairan (masalah judi dalam talian) kerana ia bukan kerajaan BN (Barisan Nasional) dan mereka mungkin tidak serius menangani masalah jenayah seperti dibuat kerajaan BN.

Premis dibenar beroperasi semula

"Masalahnya, bila polis buat tangkapan dan serbuan, selepas itu premis dibenar beroperasi semula, bukannya terus disenarai hitam oleh PBT.

"Ini menjadi masalah kepada polis," katanya pada sidang media selepas program Sentuhan Kasih sempena sambutan Tahun Baharu Cina di pekan Tampoi di sini, malam.

Beliau mengulas laporan media mengenai tindakan perang habis-habisan terhadap premis perjudian dalam talian di seluruh negara yang disyorkan Bukit Aman hujung tahun lalu belum terlaksana sepenuhnya.

Rangkaian sindiket perjudian dalam talian di Selangor dikesan masih aktif berbanding di ibu kota dan kebanyakan negeri lain.

Walaupun polis berkuasa membuat serbuan, Nur Jazlan berkata, PBT masih memberi lesen yang membolehkan premis terbabit beroperasi semula.

"Ini masalah dihadapi polis di Selangor. Sepatutnya bila premis diserbu dan disahkan judi dalam talian, ia patut ditutup terus oleh PBT tetapi di Selangor ada masalah kurang kerjasama kerajaan Selangor," katanya.



Masalahnya, bila polis buat tangkapan dan serbuan, selepas itu premis dibenar beroperasi semula, bukannya terus disenarai hitam oleh PBT"

Nur Jazlan Mohamed
Timbalan Menteri Dalam Negeri



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 FEBRUARI 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Sampah terbangancam nyawa
Muka Surat	20

20

ISNIN 12 FEBRUARI 2018 • SINAR HARIAN

SAMPAH TERBANG ANCAM NYAWA

MUHAMMAD FAIZ SULONG, NOR AZHAN MD GHAZALI, HIDAYAH HAIROM, NORAFIZA JAAFAR, ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN, NURUL FIRDAUS KHAIRI, MOHD RIDZUAN ABU HASSAN, AHMAD ISMADI ISMAIL

SH M/S 20 12/2/2018

Sampah terbangancam nyawa

Tabiat buruk segelintir penduduk pangsapuri mengundang bahaya kepada orang lain

Kejadian pelajar maut ditimpa kerusi terbang di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai, Pantai Dalam 15 Januari lalu membuka mata pelbagai pihak berhubung sikap dan mentaliti penduduk yang tinggal di perumahan bertingkat. Walaupun sudah beberapa kali dilapor media, nyata ia gagal mengubah persepsi penduduk yang suka 'melempar' barang atau sampah dari tingkat atas ke bawah tanpa memikirkan kesan dan akibatnya. Ironinya masalah ini tetap sukar dibendung jika penduduk masih tidak berubah sikap. Daripada sekecil sisa puntung rokok hinggalah ke sampah bersaiz besar termasuk sofa dan peti sejuk dilaporkan masih dicampak selamba dari atas tanpa memikirkan ia bakal mengundang padah di kemudian hari.

AMPANG - Isu 'sampah terbang' menjadi antara masalah besar dalam kalangan penduduk pangsapuri atau flat kos rendah kerana pasti ada segelintir penghuninya yang mengambil jalan mudah membuang sampah dari tingkat atas.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Yus, berkata, kejadian 'sampah terbang' kerap berlaku di Pangsapuri Taman Ampang Mewah.

"Malah kejadian yang paling menjijikkan adalah anak saya terkena muntah orang dari tingkat atas, berlari anak saya masuk rumah untuk membersihkan diri," katanya.

Yus berkata, sampah seperti lampin, sampah dapur, kulit durian dan televisyen pernah dibuang oleh penduduk di sini dari tingkat atas.

"Segelintir penduduk di sini anggap macam tiada tong sampah disediakan, padahal dua buah rumah sampah disediakan di sini," katanya.

Pengerusi Perbadanan Pengurusan (MC) pangsapuri berkenaan, Ab Rahim Monel berkata, bumbung keretanya rosak akibat kejadian 'sampah terbang' pada tiga bulan lalu.

"Saya mendapati ada pasu bunga yang dipercayai dibuang dari tingkat atas, nasib baik tidak kena kepala orang lain, ia boleh meragut nyawa.

"Setakat ini hanya ada kes lampin yang dibaling dari atas terkena kepala penduduk, selain kes cermin kereta sahaja pecah sebab ada orang baling botol dari tingkat atas," katanya.

Abd Rahim berkata, segelintir penduduk di sini masih ingat MC bekerja untuk mereka berhubung isu kebersihan kediaman.

"Mereka suka hati campak sampah tanpa fikiran keselamatan orang lain, atau meletakkan sampah di koridor agar orang lain boleh angkat dan tolong buang di rumah sampah," katanya.

Ab Rahim yang juga Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) pangsapuri itu berkata, pihaknya sudah banyak kali mengadakan kempen agar isu 'sampah terbang' dapat diselesaikan bersama.

"Ada tiga pekerja yang membersihkan kawasan ini dua kali sehari, kejadian 'sampah terbang' kerap berlaku di Blok B dan C," katanya.

Beliiau berkata, pihaknya kini sedang memperhalusi Akta 757 bagi mengatasi isu 'sampah terbang'.

"Kami akan mengambil tindakan sewajarnya untuk penghuni yang masih berdegil," katanya.

Dalam perkembangan sama, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, isu 'sampah terbang' yang dibangkitkan oleh penduduk merupakan bidang kuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau MC.

"Badan tersebut boleh menguatkuasakan peraturan melalui undang-undang kecil kesedaran dengan JMB/MC dalam mesyuarat agung, manakala bagi yang tiada JMB pula, ada lantikan ejen pengurusan daripada COB atau lantikan agen pengurusan daripada pemaaju untuk menguruskannya," katanya.

atau jadal ketiga Akta 757 iaitu mengenakan denda yang tidak melebihi RM200 kepada penduduk yang membuang sampah merata-rata.

"Pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) juga akan membuat kempen



Ab Rahim menunjukkan kesan kemek akibat terkena pasu yang dibaling oleh penduduk.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 FEBRUARI 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Gerai durian ganggu keselesaan penduduk
Muka Surat	18

18

SENTRAL

HUBUNGI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MAN

Gerai durian ganggu keselesaan penduduk

SH m/s 18
12/2/2018

CHEMPAKA - Penduduk di sekitar kawasan perumahan di sini mendakwa rimas dengan kewujudan gerai durian berhampiran kediaman mereka yang didakwa menimbulkan isu kebersihan.

Adun Chempaka, Datuk Iskandar A Samad memaklumkan pihaknya menerima laporan mengenai masalah yang dibangkitkan penduduk itu.

Beliau kemudian mengadakan lawatan tapak, dan mendapati dua tong sampah Roro dipenuhi kulit durian serta sampah domestik dipercayai dibuang dari gerai-gerai tersebut yang diletakkan di atas jalan raya.

"Sampah itu berbau busuk dan penuh dengan lalat. Ketenangan penduduk tempatan terganggu dengan kehadiran gerai-gerai itu. Saya gesa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menimbang semula ketulusan untuk membenarkan gerai-



Iskandar melihat tong sampah dipenuhi kulit durian yang didakwa menimbulkan masalah kepada penduduk

gerai tersebut beroperasi di situ," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini terdapat aduan mengenai halangan kepada lalu lintas kerana kenderaan pelanggan gerai diletakkan di tepijalan.

"MPAJ pernah cadangkan kawasan tersebut menjadi pusat penjualan buah-

buah tempatan tetapi tidak mendapat sokongan dari Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Saya gesa agar kesejahteraan penduduk tempatan dan keselamatan diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata, Pusat Khidmat Dun Chempaka akan mengadakan me-

syuarat dengan MPAJ dan penduduk untuk mencari penyelesaian kepada masalah ini.

"Saya berpendapat gerai-gerai tersebut sepatutnya diletakkan jauh dari penduduk. MPAJ juga perlu mencari satu tapak baru untuk mereka," katanya.